




Buletin Pustaka



Pustaka Peringatan Kuala Lumpur

Jilid 3. No. 1 1994

PERCUMA UNTUK AHLI SAHAJA

ISSN: 0128-3510

Peranan Pustaka Masa Kini

Dalam bahasa Melayu perkataan 'pustaka' dan 'perpustakaan' boleh memberi pengertian yang sama. Mengikut Kamus Dewan edisi baru 'perpustakaan' diertikan sebagai 'bangunan yang menyimpan buku-buku'. Pengertian ini memberi gambaran umum tentang fungsi perpustakaan sejak dahulu seperti yang terdapat di sekolah-sekolah, pusat-pusat pengajian, di tempat-tempat awam sama ada di bandar atau pekan. Setidak-tidaknya itulah tujuan utama para pelajar atau orang ramai apabila pergi ke perpustakaan - untuk membaca atau meminjam buku.

Peredaran masa nampaknya telah banyak merubah pengertian ini. Perpustakaan sebagai tempat sumber ilmu pengetahuan tidak lagi semestinya berada di bangunan khusus. Buku-buku boleh tersimpan untuk dibaca di sudut-sudut, ruang-ruang atau bilik-bilik tertentu di dalam atau di luar rumah, di pejabat-pejabat serta bangunan-bangunan awam.

Kemajuan sains dan teknologi, perkembangan pesat dalam dunia penyebaran maklumat telah banyak merubah keadaan. Perpustakaan bukan lagi sekadar tempat menyimpan buku-buku tetapi menjadi pusat



Tersergam adalah Pustaka Peringatan Kuala Lumpur

menyimpan dan memperolehi berbagai sumber maklumat melalui pelbagai keadah terkini seperti dalam bentuk perisian komputer, video, kaset, transparensi, sisip, gambar foto, benda sebenar atau artifak serta dengan berbagai kemudahan membuat salinan. Telah terdapat sekolah-sekolah, di Maktab-Maktab Rendah Sains MARA misalnya, yang menukar 'Perpustakaan Sekolah' kepada 'Pusat Sumber Pembelajaran' sesuai dengan fungsinya yang lebih dari sekadar menyediakan buku-buku rujukan dan pinjaman.

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur adalah contoh sebuah perpustakaan masa kini. Selain menyediakan ruang bacaan yang luas, selesa dan berhawa dingin pihak perpustakaan membahagikannya kepada bahagian dewasa dan bahagian kanak-kanak. Pihak perpustakaan juga menyediakan bilik khusus untuk buku-buku rujukan terkini, koleksi khas, bahagian sirkulasi berkomputer, bilik mesyuarat, dewan serbaguna untuk ceramah dan tayangan gambar, ruang pameran, bilik sembahyang, kaunter pinjaman serta bilik-bilik kerja kakitangan yang

khusus. Ia menyediakan perkhidmatan pinjaman awam, rujukan, bibliografi dan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan.

Pihak pustaka juga menyediakan satu pameran tetap mengenai Kuala Lumpur dalam bentuk gambar-gambar foto, barang-barang, benda-benda dan artifak-artifak yang berkaitan dengan sejarah, pembangunan dan pentadbiran Kuala Lumpur.

Melalui pameran ini orang ramai dapat menyaksikan pertumbuhan Kuala Lumpur secara peringkat demi peringkat. Pameran berhubung dengan dapatan semasa juga diadakan. Ini adalah sesuai dengan fungsi pustaka sebagai sebuah pusat pengumpulan maklumat mengenai bandaraya Kuala Lumpur yang menjadi pusat pentadbiran, politik dan pentadbiran negara.

Pihak pustaka juga mengadakan berbagai aktiviti sosial seperti yang digambarkan dalam Buletin Pustaka keluaran ini.

Baru-baru ini pihak Perpustakaan

Bersambung di mukasurat 4

AHLI LEMBAGA PENGURUSAN
PERSATUAN PERPUSTAKAAN
KUALA LUMPUR.
SESI 1993/1995

Presiden

YBhg. Dato' Dr. Mazlan b. Ahmad
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Timbalan Presiden

YBhg. Datuk Hj. Noordin b. Hj. Abdul
Razak
Ketua Pengarah DBKL

Pengerusi

YBhg. Dato' Haji Matshah Safuan

Naib Pengerusi

YBhg. Puan Sri Rugayah bt. Abdul
Rashid

Setiausaha

Encik Izman b. Hj. Ismail
*Pengarah, Bhg. Pentadbiran & Hal
Ehwal Awam DBKL*

Bendahari

Encik Lim Kay Siong

Ahli-ahli

Mej. (B) Shaik Md. Noor b. Shaik Abdul
Rahman

Encik Alias b. Haji Muda

Encik Ahmad Fuad b. Syed Abu Bakar

Encik Fong Ah Fook

Encik Lim Teng Eng

Puan Ainun bt Md Hashim

Ketua Pustakawan:

Hajah Alimah Salam

Pemegang Amanah

Y.A.M. Tengku Puteri Lela Wangsa
Tengku Tan Sri Hajah Meriam bte Sultan
Ahmad Shah

Y.B. Tuan Haji Hajeedar bin Haji Abd.
Majid

Y.B. Dato' Teagarajan a/l V.K. Kalyana
Sundram

Tuntutlah ilmu walaupun
hingga ke Negeri Cina, kerana
sesungguhnya menuntut ilmu itu
menjadi kewajipan setiap Muslim

Hadith

Sidang Pengarang

Penasihat:

En. Alias bin Hj. Muda

Ketua Editor:

Hajah Alimah Salam

Editor:

Mohd Aziz Abas
Ahmad Junaidi bin Hj. Tajudin

Jurufoto:

Zaidy bin Abdul Rahman

Rekabentuk:

Syahmim Enterprise (Malaysia) Sdn. Bhd.
131B, Jalan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur
Tel: 2742927/7568 Fax: 2747569

Buletin Pustaka


Pustaka Peringatan Kuala Lumpur,
92, Jalan Raja, 50500 Kuala Lumpur.
Tel: 2932908/2924780

Intisari

- 1 Peranan Pustaka Masa Kini
- 2 Lembaga Pengurusan PPKL 1993-1995
- 4 Ulasan Buku
- 5 Minggu Warisan Kuala Lumpur
- 6 Aktiviti Pustaka
- 8 Tahukah Anda
- 9 Peranan Perpustakaan dalam Menangani Budaya Lepak
- 10 Al-Khwarizmi's contribution to Mathematics
- 11 K.L. First International Airport at Sungai Besi
- 12 Aturcara Pesta Bercerita K.L.



Mesyuarat Agung PPKL Kali Ke Empat



Mesyuarat Agung Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur Kali Keempat telah diadakan pada 28 Jun 1993 jam 10.00 pagi bertempat di Tingkat 30, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg. Dato' Dr. Mazlan b.

Ahmad selaku Presiden Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur telah mempengeruskannya. Seramai 63 orang ahli telah menghadiri mesyuarat kali ini. Mesyuarat Agung Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur Kali Keempat juga telah memilih ahli-ahli Lembaga Pengurusan yang

baru untuk tempoh 2 tahun. Mereka yang terpilih ialah:-

Pengerusi

YBhg. Dato' Haji Matshah Safuan

Naib Pengerusi

YBhg. Puan Sri Datin Rugayah Abdul Rashid

Setiausaha

En. Izman bin Hj. Ismail

Ahli-ahli Lembaga

En. Ahmad Fuad Syed Abu Bakar

En. Fong Ah Fook

En. Lim Teng Eng

Mej.(B) Shaik Md. Noor b. Shaik

Abdul Rahman

En. Alias Haji Muda

Tuan Hj. Nasaruddin Saidin

Negara Malaysia telah menyerahkan tiga buah perpustakaan cawangannya kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk diuruskan dan diselenggarakan oleh Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur.

Penyerahan ini membuka lembaran baru mengenai peranan perpustakaan dalam mewujudkan budaya membaca dan budaya ilmu ke kalangan penghuni di taman-taman perumahan. Kita tentunya bersetuju kalau setiap projek perumahan mengambilkira tentang perlunya disediakan sebuah perpustakaan sebagaimana disediakan tempat ibadat, dewan orang ramai dan

taman permainan sebagai satu kemudahan dan keperluan asas sesuatu projek perumahan.

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur adalah satu-satunya perpustakaan yang dikendalikan oleh sebuah persatuan - Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur. Pengurusannya mungkin menyerupai konsep pengswastaan. Selain dari menyediakan kemudahan-kemudahan sebuah perpustakaan masa kini seperti yang dinyatakan pihak perpustakaan juga mengendalikan berbagai aktiviti sosial dan kebajikan. Pihak persatuan juga diberi mandat mengadakan aktiviti sejarah Kuala Lumpur melalui Jawatankuasa Kecil Warisan dan menerbitkan bahan-bahan penerbitan mengenai sejarah Kuala

Lumpur melalui Jawatankuasa Kecil Penerbitan.

Melalui Buletin Pustaka Keluaran ini diharap ahli-ahli Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur yang berjumlah hampir 15,000 orang akan dapat memahami peranan sebenar persatuan yang telah dan akan dimainkan di samping sama-sama pula memikirkan peranan yang dapat diberi dan dimainkan bersama oleh sekalian ahli.

Selamat membaca

ALIAS HAJI MUDA
Penasihat Buletin Pustaka
Jawatankuasa Penerbitan
Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur.

Ulasan Buku :

Penjelasan Budaya Ilmu

Pengarang :
Wan Mohd Nor Wan Daud

Penerbit:
Dewan Bahasa dan Pustaka

Tebal:
180 mukasurat

Pengulas:
Mohd Aziz Abas

Harga:
RM 12.00

Penjelasan Budaya Ilmu adalah satu karya ilmiah asli dan berdaya cipta yang berjaya membicarakan satu pokok dan asas dalam pembangunan diri insan, masyarakat dan tamadun. Buku ini mengandungi takrifan yang dinamik dan penuh implikasi tentang budaya ilmu dan perkara-perkara bersangkutan yang harus disemai dan disuburkan dalam diri dan masyarakat kita. Buku ini meyelami lautan sejarah pelbagai bangsa dan tamadun Islam dan bukan Islam dari zaman kuno sehingga ke zaman ini untuk dihidangkan kepada pembaca kisah-kisah dan nilai-nilai utama yang dapat dimanfaatkan. Gagasan pengislaman ilmu yang dipercayai

sebagai wadah utama bagi pemanfaatan ilmu dari setiap sumber, dihurai dan dipaparkan sejarahnya buat pertama kali. Sehubungan dengan ini, sejarah dan perkembangan tradisi keilmuan di Alam Melayu khususnya di Malaysia, diselidiki peranan pemimpin politik, pentadbir, para cendekiawan dan guru serta ibu bapa juga dikaji dalam pembinaan budaya ilmu. Buku ini juga mengengahkan beberapa cadangan bernilai untuk difikirkan oleh beberapa pihak bagi menjayakan gagasan yang bermakna ini.

Adakah sama orang yang mengetahui (berilmu) dengan orang yang tidak berilmu'. Katakanlah Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran."

Surah Az-Zumar 39-9

MINGGU WARISAN KUALA LUMPUR

9-17 JULAI 1994

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur telah mengusahakan satu program Minggu Warisan Kuala Lumpur dari 9-17 Julai 1994. Ia merupakan sebuah program berunsurkan nostalgia atau 'Down Memory Lane' bagi menyingkap kembali kegemilangan warisan sejarah dan kebudayaan Kuala Lumpur khas untuk generasi wargakota dan masyarakat amnya agar dapat menikmati warisan-warisan kota sebagai milik bersama. Ianya diadakan sempena menyambut 5 tahun Pustaka Peringatan Kuala Lumpur.

Di antara aktiviti-aktiviti Minggu ialah:

Kuiz Sejarah Kuala Lumpur

Kuiz ini terbuka kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur. Sebanyak 23 buah sekolah menengah telah mengambil bahagian dan lima buah sekolah yang mendapat markah yang tertinggi dalam peringkat saringan telah masuk peringkat akhir. Sekolah Menengah Alam Shah telah muncul sebagai johan.

Pelancaran kelab Sahabat.

Kelab Sahabat Kuala Lumpur adalah satu usaha Pustaka Peringatan Kuala Lumpur mengumpulkan wargakota atau individu yang lahir, tinggal atau pernah berkhidmat di Kuala Lumpur. Pelancarannya telah dilakukan oleh Dato' Matshah Safuan selaku Pengerusi Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur.

Pengkisahan Sejarah Kuala Lumpur

Tajuk yang dipilih untuk program ini ialah "Kuala Lumpur satu dekad penuh cabaran 1946-1956". Tokoh-tokoh yang dipilih adalah Y. Bhg Tun Omar Yoke Lin Ong, Y. Bhg. Datin Sri Cempaka Hajah Kontik Kamariah dan Tan Sri Dato' S.O.K. Ubaidulla.

Peraduan Mencari Harta Warisan

Peraduan ini diadakan bertujuan meningkatkan lagi pengetahuan Warisan Kuala Lumpur dalam keluarga bawaja wargakota.

Pertandingan Melukis Sekeluarga

Pertandingan seumpama ini bertujuan memberi kesempatan kepada keluarga merakamkan keindahan perkembangan pembangunan Kuala Lumpur dalam bentuk lukisan.

Pertandingan melukis bangunan lama Kuala Lumpur

Pertandingan ini diadakan bertujuan mencungkil bakat-bakat melukis di kalangan kanak-kanak di samping dapat menyemai semangat cintakan warisan Kuala Lumpur.



Pengumuman

International Storytelling Festival

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur akan mengadakan 'International Storytelling Festival' pada 22hb-27hb Ogos 1994. Sebanyak 7 kumpulan bercerita/kumpulan teater kanak-kanak dari Jepun, Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand dan Malaysia akan mengadakan pertunjukan boneka/teater kanak-kanak di Experimental Teater Kuala Lumpur. Jadual pertunjukan adalah di ms. 12.

Jangan Lepaskan Peluang Ini

Aktiviti Pustaka

↳ Peserta pertandingan melukis kanak-kanak sedang tekun menyiapkan hasil lukisan masing-masing.



↳ Peserta sedang beraksi dalam Pertandingan bercerita versi bahasa Inggeris 'Tell Me A Story '93'. Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

↳ Peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Pertandingan bercerita versi bahasa Inggeris 'Tell Me A Story '93' peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



↳ Pertandingan catur terbuka untuk wargakota.



↳ Pegawai sedang memberi taklimat kepada pelawat dari Perpustakaan Am Negeri Johor.



↳ Pertandingan scrabble PPKL 1993 pada 17-18 September 1993.

Tahukah Anda?

JALAN RAJA atau nama lamanya LORONG GOMBAK (Gombak Lane) adalah nama jalan yang tidak asing pada wargakota. Ia merupakan antara jalan yang terawal di Kuala Lumpur. Jalan Raja banyak mencipta sejarah awal abad ke 20 lagi.

Di sini, terdapat banyaknya bangunan-bangunan bersejarah. Antaranya ialah Bangunan Chartered Bank Lama (sekarang cadangan bangunan Muzium Sejarah Nasional), Pustaka Peringatan Kuala Lumpur (dahulu bangunan Jabatan Cetak Kerajaan), Kelab Diraja Selangor (Selangor Club), Gereja St. Mary, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Bangunan Pejabat Pos Lama.

Tahukah anda bagaimana Jalan Raja mendapat namanya? Nama Jalan Raja adalah sempena nama Sekolah Raja iaitu sekolah Melayu yang terawal di Kuala Lumpur.

Penubuhan Sekolah Raja ini mencipta sejarah permulaan pendidikan awal Melayu di Kuala Lumpur. Pendidikan awal Melayu adalah

bermula dengan wujudnya kelas mengaji Al-Quran. Pada tahun 1882, kelas mengaji Al-Quran telah diadakan disalah sebuah rumah yang terletak di tebing kanan Sungai Gombak untuk kanak-kanak yang tinggal berhampiran. Kanak-kanak dari Kampung Rawa di Java Street (sekarang Jalan Tun Perak) dan Jalan Melayu turut mengikuti kelas Al-Quran selama 3 hingga 4 jam sehari. Kelas Al-Quran berhampiran Sungai Gombak diserapkan menjadi sekolah Melayu pertama.

Pada tahun 1892, satu penyusunan berasingan untuk pendidikan Melayu telah dibuat di mana sekolah khas untuk menampung pelajaran golongan aristokrat di Selangor telah dibina. Sekolah ini dinamakan Sekolah Raja. Bilangan muridnya adalah seramai sebelas orang. Salah seorang murid lelaki yang menghadiri sekolah itu ialah Sultan Alaudin Sulaman Shah. Bangunan sekolah ini terletak di satu kawasan berhampiran persimpangan

Lorong Gombak. Lorong Gombak kemudian dinamakan Jalan Raja sempena nama Sekolah Raja.

Jalan Raja kini bukan sahaja terkenal di kalangan wargakota sahaja, bahkan pelancong dari dalam dan luar negeri. Dengan siap terbina Kompleks Dataran Merdeka menambatkan bilangan pengunjung ke sini. Keunikan Jalan Raja adalah kerana tersergam bangunan-bangunan bersejarah. Bertambah serinya bila malam tiba dengan sinaran lampu hiasan yang terang benderang. Kibaran bendera pada tiang yang tertinggi di dunia seolah-olah melambai-lambai pengunjungnya. Sekiranya anda melalui Jalan Raja, jangan lupa singgah di Pustaka Peringatan Kuala Lumpur.


Ahmad Junaidi b. Hj. Tajuddin
Pegawai Rujukan,
Pustaka Peringatan Kuala Lumpur

Manusia

*yang paling berilmu ialah
barangsiapa yang mengumpulkan
ilmu pengetahuan manusia lain
ke dalam ilmunya.*

*Manusia yang paling berharga
ialah yang paling banyak ilmunya
dan manusia yang paling tidak berharga
adalah yang paling
kurang ilmunya'*

Hadith



PERANAN PERPUSTAKAAN DALAM MENANGANI BUDAYA LEPAK

Pendahuluan

Dewasa ini 'budaya lepak' seringkali diperkatakan. Ianya bukanlah satu fenomena yang baru dalam masyarakat kita malahan telah berlaku sejak dahulu lagi. Sejak kebelakangan ini, perkara ini telah sampai ke tahap yang amat membimbangkan dan menjadi isu yang hangat lebih-lebih lagi media masa memainkan peranannya seperti radio, televisyen dan bahan-bahan bercetak.

Punca-punca yang menyebabkan 'budaya lepak'

Adalah amat sukar bagi kita untuk mencari apakah punca yang menyebabkan terjadinya 'budaya lepak' di kalangan remaja. Memang tidak dapat dinafikan bahawa salah satu puncanya adalah kebosanan tinggal di rumah. Antaranya menghadapi kemelut dalam keluarga. Hal ini biasanya berlaku dalam keluarga yang jumlah ahlinya ramai di mana ketidaksefahaman atau tidak mahu bertolak ansur dalam keluarga. Atau kemungkinan masalah yang dihadapi oleh seseorang itu tidak mahu dikongsi bersama oleh ahli keluarga yang lain. Jadi sebagai jalan penyelesaiannya, mereka mencari ketenangan di luar rumah. Selain daripada itu, masalah keruntuhan rumahtangga juga memaksa para remaja mendapat ketenangan di luar rumah. Mereka berasa bosan jika acapkali ibu dan bapa bertengkar tanpa menghiraukan perasaan anak-anak yang memerlukan lebih perhatian dan kasih sayang yang sejati. Ada juga yang mencari ketenangan berkumpul bersama-sama rakan sebaya. Kelompok remaja yang melepak ini

pada kelazimannya mengandungi antara 5 dan 10 orang yang menganggap diri mereka senasib. Biasanya mereka suka melepak di tempat yang menjadi tumpuan ramai seperti di kompleks-komplek membeli-belah dan di stesen-stesen bas. Ada juga yang melepak di kaki-kaki lima sambil mengganggu gadis-gadis yang lalu lalang. Budaya lepak ini telah menjadi satu isu yang serius, bukan sahaja ia menjadi kudis bagi masyarakat malahan ia telah bernanah dan menjadi parah lagi jika tiada langkah-langkah yang sepatutnya diambil bagi membendung gejala ini. Dengan tidak secara langsung akan menjerutkan imej negara kita kepada perancang-pelancong asing.

Cara mengatasi masalah 'budaya lepak'

Memandangkan gejala 'budaya lepak' di kalangan remaja semakin membimbangkan maka adalah perlu satu penyelesaian dilakukan bagi mengawal daripada berleluasa. Antara lainnya mengadakan kaunseling kepada remaja yang menghadapi masalah. Ada juga yang mencadangkan agar diberi latihan kemahiran kepada belia-belua dan ada juga yang berpendapat supaya latihan ala ketenteraan diberikan. Dengan ini mereka dapat mendisiplinkan diri dan secara tidak langsung mereka dapat menjauhkan diri daripada berlepak. Di samping itu, perpustakaan juga memainkan peranannya sebagai gedung ilmu. Sekiranya para remaja atau belia dapat memanfaatkan perpustakaan bagi menambahkan lagi ilmu pengetahuan mereka.

Bagaimana perpustakaan memainkan peranan dalam menangani 'budaya lepak'?

Pada umumnya, perpustakaan merupakan gedung ilmu di mana tersimpannya pelbagai bahan-bahan bacaan dan maklumat. Peranan perpustakaan sebenarnya tidak terhad kepada tempat membaca atau meminjam dan memulangkan sahaja. Bahkan peranannya lebih daripada itu. Perpustakaan juga merupakan tempat penyelidikan, perkhidmatan kaunseling dan sebagainya. Selain daripada menawarkan perkhidmatan tersebut, perpustakaan juga mampu menawarkan pelbagai aktiviti. Antara aktiviti-aktiviti yang ditawarkan adalah seperti Peraduan Mencari Maklumat, Sesi Bercerita, Pertandingan Melukis, Pertandingan Catur, Bengkel Maklumat, Ceramah dan Seminar. Aktiviti-aktiviti yang dikelolakan oleh perpustakaan dapat menarik minat para pelajar, golongan remaja dan belia. Mereka tidak akan melepaskan peluang keemasan ini bagi menyertai aktiviti ini untuk menonjolkan bakat masing-masing. Ada juga di antaranya yang tidak mengambil apa-apa bahagian cuma menyaksikan sahaja dan memberi sokongan kepada rakan-rakan yang mengambil bahagian. Dengan cara ini bukan sahaja 'budaya lepak' dapat dihindarkan malah semangat muhibbah dapat dijalinan.

Sejauh manakah keberkesanan perpustakaan menangani 'budaya lepak'?

Bagi menarik minat para remaja

Bersambung di mukasurat 10

AL-KHWARIZMI'S CONTRIBUTION TO MATHEMATICS

Introduction

Abdul Ja'afar Muhammad Ibn Musa al-Khwarizmi was born in Khwarizm and usually known as al-Khwarizmi. He flourished during Caliph al-Ma'mun and died in 850 a.c. He was a mathematician, astronomer and geographer. He was the founder of the Muslim school of mathematics and the early medieval works on algebra.

Al-Khwarizmi's Literary Works

Al-Khwarizmi was known as the oldest author in the field of arithmetic and algebra. The algebra was found in two versions: the original Arabic version and a twelfth-century Latin translation 'Liber algebrae et al-mucabala' but unfortunately the original Arabic is lost whereas the Latin version extant and were used until the sixteenth century. It has also reflected the algorism (algorithm), hence the Latin translation of a Muslim arithmetic text was discovered in 1857 at the University of Cambridge, entitled 'Algorithmi de numero Indorum'. It is believed that this is a copy of al-Khwarizmi's work which were translated into Latin by an English scholar. His famous book on algebra, titled 'al-Jabr wa al-Muwabalah' (the Book

of Restitution and Comparison). The book deals with solutions to Muslim practical problem which encountered in daily life; the problems of the second degree equations; describes multiplication and division; discusses the measurement of surfaces. The most important section of the book deals of inheritance and zakat where the equations of the first degree are illustrated by numerical examples. He distinguishes the six cases of the equations of the second degree, square equal to roots ($ax = b$); squares and roots equals to numbers ($ax + bx = c$); roots equal to numbers ($ax = c$), etc., an analytical solution of linear and quadratic equation, and the idea of positive and negative seems to be emerged.

Al-Khwarizmi also represents the Greek geometry where the approach is more towards characteristics of Muslim geometry, the founder of modern trigonometry where sine and tangent tables were developed, his astronomical works which is mainly on 'Zij' based on of Indian works.

The astrolabe called 'Kitab 'amal al-astolab' and 'Kitab 'amal bil-astolab' and 'Kitab al-Tarikh' was introduced by al-Khwarizmi, but these books did not survived. Only the title 'Kitab al-rukhamah' (on the sundial) is survived.

Critics on Al-Khwarizmi's work

Even though al-Khwarizmi was a great mathematician, he could not avoid from receiving critics or praises from Western and Muslim scholars. According to David Eugene in "The Hindu Arabic numbers, characterized al-Khwarizmi as: ... the great master of the golden age of Baghdad, one of the first of the Muslim writes to collect the mathematical classics of both the East and the West, preserving them and finally passing them on to the awakening Europe. This man ... was a man of great learning and one to whom the world is much indebted for its present knowledge of algebra and of arithmetic".

Muslim scholar Mohammad Khan in the book titled "A Brief survey of Moslem contribution to Science and Culture, stated that al-Khwarizmi composed the oldest work on arithmetic and algebra".

In a sense, al-Khwarizmi is more entitled to be called the father of algebra than Diophantus because al-Khwarizmi is the first to teach algebra in an elementary form and for its own sake From here, we can say that his work is the greatest scientific work ever produced in the history of mathematics in the form of Algorism, the old word for arithmetic.

Rosidah Hj. Ismail
Pustakawan,
Pustaka Peringatan Kuala Lumpur

Sambung dari mukasurat 9

dan belia menyertai aktiviti-aktiviti anjuran perpustakaan, pihak perpustakaan haruslah mengkaji dari segi minat dan kecenderungan golongan ini. Di mana segala aktiviti yang dijalankan haruslah seimbang agar mereka dari pelbagai latar belakang dan kecenderungan dapat bersama-sama menikmatinya. Aktiviti-aktiviti seperti seminar, ceramah, kaunseling dan bengkel haruslah diadakan bagi menyedarkan mereka menghargai masa dan menggunakan masa kepada perkara-perkara yang lebih berfaedah. Aktiviti-aktiviti berkenaan hendaklah seimbang dari segi hiburan dan ilmi-

ah. Sekiranya terlalu cenderung kepada ilmiah semata-mata maka mereka akan berasa bosan.

Sebaik-baiknya aktiviti berkenaan hendaklah berbentuk hiburan di samping menambahkan pengetahuan, dapat juga mengembangkan minda. Dengan ini, satu kepuasan serta keseronokan dapat mereka peroleh dalam aktiviti-aktiviti ini.

Penutup

Justeru itu pihak perpustakaan haruslah memainkan peranan yang penting dalam mengatasi masalah 'budaya lepak' di kalangan remaja dan belia. Membudayakan mereka

dengan ilmu adalah matlamat perpustakaan. Cara perlaksanaannya seperti aktiviti bentuk berhibur sambil menambah pengetahuan boleh menghilangkan kebosanan dan menerbitkan keseronokan. Secara tidak langsung mereka akan berminat mengunjungi perpustakaan serta menyayangnya. Budaya ilmu yang disemaikan oleh perpustakaan dapat membentuk keperibadian yang mulia dan menjadikan para remaja dan belia berwawasan. Maka terhindarlah penyakit sosial ini iaitu 'budaya lepak' dari menyerang para remaja dan belia.

Noorlizah bt. A. Dullah
Pustaka Peringatan Kuala Lumpur

Kuala Lumpur's First International Airport at Sungai Besi

by Soh Eng Lim PPKL Ahli No D 000-229

Both Kuala Lumpur and the aviation industry that serves the city's transport and communication needs have undergone massive changes ever since the Wright brothers flew their engine-powered, heavier-than-air contraption at Kitty Hawk. (Kitty Hawk, in case you are still confused, is the name of a wind-blown open field: it is not - repeat NOT - the name of the aircraft successfully built and "flown" by Wilbur and Orville Wright in 1903.

The aircraft of the world have grown bigger and better over the years and decades, able to fly higher, faster and in ways that are generally considered safer, more economical and more acceptable than ever before. On its part, Kuala Lumpur as one of the many places visited regularly or on occasion by commercial aircraft of all makes and origins has grown in size and importance from a relatively small mining town in Malaysia to a modern metropolis which not only serves as the administrative capital of Malaysia but also the financial and economic centre of one of the most highly-developed industrial regions in Asia. In the process, it has seen the building and registration of two "world-class" airports to serve its needs, with a third in the series under active construction. The question arises: what was Kuala Lumpur like in the proverbial "good old days" of early aviation and what place did it occupy in the overall perspective of airport development in Malaysia in those dimly-remembered days of growth and development?

To answer the question and provide a simple record of early aviation as it affected the Kuala Lumpur area, here is a brief account of how the Sungai Besi Airport, as it came to be called, came to be developed as Kuala Lumpur's first International airport.

According to Malaysia Airports Bhd (MAB) which recently assumed responsibility for the administration of all scheduled airports in the country, the Sungai Besi Airport originally bore the name of Simpang. Unfortunately, there is no separate and independent corroboration for this information which could well arise from a casual misidentification of Sungai Besi with Simpang Ampat, a locality in Perak (near Lumut) which saw the development of a rudimentary airfield in the early days of aviation in Malaysia.

Official records show that the Sungai Besi airport, located some 5 km from the centre of Kuala Lumpur, was one of a handful of airfields which began to be built in what is now the Federation of Malaysia around 1935. The Sungai Besi airstrip was in fact one of two landing grounds located in Selangor which was then a member of the Federated Malay States (FMS). The other airstrip was located at Pandamaran near Port Swettenham (now Port Kelang).

Originally used as the operating base of the Kuala Lumpur Flying Club, as it was called, the Kuala Lumpur airfield was improved and commissioned as an all-purpose landing ground in 1936. Prior to this, the airstrip was described as "a conditioned area 600 yards by 180 yards oriented approximately North East-South West" and was licensed for light and medium aircraft "up to a gross weight of 5,500 lbs" (2.5 tons).

Because of its limited facilities, Kuala Lumpur was largely overshadowed by Penang, Singapore and even Alor Star as a stopping place for international flights. The first time that a commercial aircraft used the Sungai Besi airstrip was in 1933, when an Imperial Airways (now

British Airways) "Atlanta" aircraft landed there. The Sungai Besi

airstrip was in such poor condition that the incoming aircraft "sank into the runway" on landing but, fortunately no serious damage or casualties were caused by the mishap.

In June 1941, just before the infamous attack on Pearl Harbour by Japan, the Royal Air Force of the reigning British regime used Sungai Besi as their first station outside Seletar (Singapore) to facilitate their defence of what was then Malaya during the Second World War which was already raging fiercely in Europe.

After the war, Sungai Besi continued to operate as a joint civilian-RAF airfield. The runway and other facilities were duly expanded and improved upon, leading to the point in August 1956 when the airfield was formally upgraded to "international airport" status.

Because of various limitations over the use and proposed expansion of the Sungai Besi airport, steps were duly taken to build a bigger and better airport at Subang some 22 km outside Kuala Lumpur. The new Kuala Lumpur or "Subang" international airport was officially declared open on August 30, 1965.

Sungai Besi was relegated to the position of a military airport which continued to be used, first by the RAF and later, by the newly formed Royal Malaysian Air Force (RMAF) which duly took over the airport facilities at Sungai Besi from the RAF in 1960.

[Adapted from my write-up published under the (edited) heading of Simpang, Subang and Sepang in "Airport: Gateway to Malaysia", January 1994 edition published by Karya Creative, Bandar Menjalara (Kepong)]

International Storytelling Festival Programmes

Date	Time	Place	Performance
23 Aug 1994	10.00 am-1.00 pm	Experimental Theatre (E.T.) KBN, 464 Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur	Ohanashi Caravan Centre (Japan) Thailand/Malaysia Groups.
	1.00-2.00pm	Lunch Break	—
	2.30-5.00 pm	Experimental Theatre, (E.T.) KBN, 464 Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur	Agus D.S. (Indonesia), Black Theater of Philippines)/Act 3 (Singapore)
	8.45pm (by invitation only)	Experimental Theatre, (E.T.) KBN, 464 Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur	Ohanashi Caravan Centre, Japan
24 Aug 1994	10.00am-1.00pm	Experimental Theatre, Kuala Lumpur (E.T.)	Tizar Purbaya (Indonesia)/ Black Theater of Manila (Philippines/Malaysia Group)
	1.00-2.00pm	Lunch Break	—
	2.30-5.00pm	Experimental Theatre, Kuala Lumpur (E.T.)	Ohanashi Caravan Centre(Japan)/ Act 3 (Singapore)/Thailand Group
25 Aug 1994	8.30 am	Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka	Storytelling Workshop — Opening Ceremony
	—	—	Session 1: Oral Tradition in Education Speakers from Japan: Thailand and Malaysia
	12.30-2.00pm	Lunch Break	—
	2.00-5.00 pm	—	Session 2: Workshop and Demonstration by Participating Groups
	3.00 pm	Pesta Buku Malaysia, Dewan Tun Razak PWTC	Agus D.S. (Indonesia)/Thailand Group
26 Aug	8.30 am-12.00 pm	Dewan Bahasa dan Pustaka	Session 3: Oral Tradition in Education II Speakers from Indonesia; Singapore and Philippines
	12.00-4.30 pm	Dewan Bahasa dan Pustaka	Workshop and Demonstration by Participating Group
	3.00 pm	Pesta Buku Malaysia, Dewan Tun Razak PWTC	Act 3 (Singapore)/Malaysia Group
	4.30-5.30 pm	Dewan Bahasa dan Pustaka	Closing Ceremony
27 Aug 1994	10.00am	Plaza Putra, Merdeka Square	Ohanashi Caravan centre (Japan)/Agus D.S. (Indonesia)/Black TheaterManila (Philippines)/ Thailand Group/Act 3 (Singapore)

Note:

- i) Seminar/Workshop will be held at Dewan Bahasa dan Pustaka on 25th and 26th August from 8.00 am to 5.00 pm.
- ii) Registration Fees — RM 60.00 (Individual)
RM 100.00 (Institutions/Group of two Participants).
- iii) For details on Storytelling workshop Call 03-2418010 Ext. 509 or 03-2489709 Fax 03-2414109
- iv) Free passes for the performance available at Pustaka Peringatan Kuala Lumpur. Tel: 03-2932908, 2926204, 2924780